

**KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 13 OKTOBER 2014 (ISNIN)**

| Bil | Tajuk | Akhbar |
|------------|--|-----------------|
| 1 | Saran Malaysia jadi pusat teknologi tinggi | Harian Metro |
| 2 | Bangunkan teknologi robotik | Utusan Malaysia |
| 3 | Melahirkan robot tempatan | Utusan Malaysia |
| 4 | TPM terajui industri robotik tempatan | Utusan Malaysia |
| 5 | KIPSAS penuhi kriteria SIRIM, UKAS | Berita Harian |

Saran Malaysia jadi pusat teknologi tinggi

Kuala Lumpur: Masers Energy Malaysia Sdn Bhd (Masers Energy), syarikat tempatan yang terbabit dalam teknologi grid pintar dan tenaga boleh diperbaharui (RE) menyarankan agar Malaysia dijadikan pusat teknologi tinggi bagi industri tertentu sekali gus menggalakkan lebih banyak kemasukan pelaburan teknologi dan berimpak tinggi.

Pengerusi dan Ketua Pegawai Eksekutifnya, Datuk Seri Suhaimi Abdul Rahman berkata, langkah itu akan menarik minat usahawan tekno menceburi bidang berkenaan dan memberi galakan kepada pelabur dalam serta luar negara menjadikan negara ini sebagai pilihan utama.

Beliau berkata, antara usaha boleh dilakukan ialah membangunkan infrastruktur bandaraya karbon untuk memberikan kesan penggunaan karbon yang rendah dan menggalakkan projek karbon yang akan mena-



SUHAIMI saran Malaysia jadi hab teknologi tinggi bagi industri tertentu.

warkan lebih banyak peluang pekerjaan berkaitan serta pada masa sama mewujudkan satu bentuk sumber ekonomi baru kepada negara.

“Usaha sama ini juga boleh dilaksanakan menerusi kerjasama awam-swasta terutama bagi projek mega yang melibatkan kepentingan awam bertujuan menarik taraf infrastruktur awam dan ini mungkin

dapat dilakukan dengan pembabitan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) yang boleh menyediakan dana untuk tujuan ini,” katanya.

Perdana Menteri Datuk Seri Najib Abdul Razak dalam pembentangan Bajet 2015 berkata, dalam menggalakkan pelaburan berkualiti tinggi dan lebih tertumpu, pakej galakan lebih istimewa akan ditawarkan un-

tuk projek pelaburan yang berasaskan teknologi, inovasi dan pengetahuan, membabitkan pekerja berkelayakan tinggi dan berpengetahuan, dengan gaji yang tinggi.

Beliau berkata, Kerajaan turut memperuntukkan RM1.3 bilion kepada Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi bagi melaksanakan program berkaitan antaranya, menyediakan dana penyelidikan sebanyak RM290 juta bagi menjalankan pelbagai aktiviti penyelidikan dan pembangunan (R&D) yang berimpak tinggi.

Suhaimi berkata, kerajaan juga boleh mewujudkan dana permulaan yang amat terhad ketika ini bagi menggalakkan sektor kewangan tempatan untuk memberi tumpuan kepada pelaburan teknologi tinggi seperti usaha kerajaan untuk mencapai ke arah ‘negara bebas karbon’ yang menjadi teras Bandar Raya Grid Pintar menjelang 2030.

KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (MEGA FOKUS) : MUKA SURAT 1
TARIKH : 13 OKTOBER 2014 (ISNIN)

mega

A yellow industrial robotic arm is the central focus of the image. It is a multi-jointed arm with a gripper at the end, mounted on a metal frame. The arm is positioned over a table that holds several cylindrical objects, some brown and one white. The background shows a laboratory or industrial setting with white walls and a window.

Bangunkan teknologi robotik

TECHNOLOGY Park Malaysia (TPM) membangunkan teknologi robot sebagai sebahagian daripada usaha ceburi industri teknologi tinggi.

KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (MEGA FOKUS) : MUKA SURAT 2
TARIKH : 13 OKTOBER 2014 (ISNIN)

MegaFokus

Oleh ASHRIQ FAHMY AHMAD
ashriq.ahmad@utusan.com.my

TEKNOLOGI robotik merupakan salah satu teknologi masa kini yang menjadi tunjang kepada industri pembuatan dan pengeluaran. Teknologi robotik telah bertapak sekian lamanya di negara ini menerusi pelbagai kerjasama serta pertukaran teknologi dari negara-negara maju yang melabur di Malaysia.

Pertukaran teknologi tersebut menyaksikan kemahiran teknikal serta ilmu berkaitan teknologi dalam kalangan pekerja di pihak industri, ahli akademik serta institusi yang terlibat semakin meningkat, malah setanding dengan kualiti dunia.

Namun segala kemahiran serta ilmu yang diperolehi hanya dimanfaatkan ketika para pelabur itu masih berada di tanah air.

Apabila mereka pulang serta menutup syarikat, para pekerja tempatan yang mahir serta memiliki ilmu berkenaan teknologi tersebut hanya berakhir di situ.

Menurut Pengurus Besar di Pusat Pengekomersialan Teknologi (CTC),

Technology Park Malaysia Corporation Sdn. Bhd. (TPM), Dr. Muhamad Zahirain Mohamed Rasin, negara memiliki tenaga kerja yang berkemahiran tinggi berikutan polisi kerajaan yang menggalakkan pemindahan teknologi dalam kalangan pelabur luar kepada rakyat negara ini.

"Namun setelah sekian lama dan dengan pelbagai kemahiran yang kita perolehi kini, kita tidak masih tidak mampu untuk menghasilkan suatu produk khas dalam negara.

"Sebagai contoh kita boleh lihat Korea Selatan yang bermula dalam industri elektronik agak lewat berbanding kita kini berjaya memiliki jenama terkemuka dunia seperti Samsung.

"Kita masih tertumpu kepada pembuatan pelbagai komponen elektronik sahaja tanpa ada suatu situasi persaingan yang sihat menghasilkan produk akhir dengan jenama tersendiri," katanya.

Beliau berkata demikian ketika membuka bicara berkenaan hala tuju teknologi robotik di pejabatnya di TPM, Kuala Lumpur baru-baru ini.

Ujarnya, menyedari keadaan tersebut, kerajaan telah menubuhkan TPM sebagai satu agensi yang bertindak sebagai satu platform untuk menyatukan segala kemahiran tersebut sama ada di pihak industri, akademik dan juga masyarakat. Menerusi TPM, maka tercipta sebuah Pusat Robotik dan Sistem Pembuatan Fleksibel (CRFMS).

"Ideanya adalah untuk merealisasikan impian kerajaan bagi meningkatkan kekayaan negara menerusi sektor pembuatan dan penghasilan produk.

"Kita tidak mahu lagi hanya menjadi sebuah negara pengguna, untuk mencapai cita-cita tersebut (negara berpendapatan tinggi), Malaysia harus menjadi sebuah negara pengeluaran produk," katanya.

Untuk tujuan tersebut, TPM telah membangunkan beberapa program mereka yang tersendiri.

"Contoh mudah adalah sesetengah daripada kita memiliki idea yang bernas, inovatif untuk menghasilkan sesuatu produk bagi menyelesaikan masalah yang dihadapi setiap hari.

"Idea tersebut kadang-kala timbul apabila kita menghadapi kesukaran dalam melaksanakan tugas ketika bekerja atau menjalani kehidupan seharian.

"Namun siapakah yang perlu memainkan peranan menjadikan idea tersebut sebagai realiti dengan terciptanya produk sehingga ia dikomersialkan," katanya.

Tambahnya, apa yang pasti, jika idea

Melahirkan robot tempatan

TPM terajui teknologi robotik negara

tersebut tidak direalisasikan dalam bentuk penghasilan sesebuah produk maka idea hanya akan tinggal idea semata-mata.

Justeru, TPM memainkan peranan penting dalam memastikan segala idea inovasi yang benar-benar dapat dimanfaatkan kepada negara menjadi kenyataan.

Perkara yang sama juga berlaku dalam pengembangan teknologi robotik dalam negara iaitu TPM kini sedang memberi tumpuan kepada pembangunan robotik di bidang kesihatan dan juga pendidikan.

Jelas Dr. Muhamad Zahirain, dua bidang tersebut diberi penekanan berikutan ia masih kurang diberi perhatian di negara ini.

"Sememangnya terdapat teknologi robotik dari luar untuk kegunaan bidang-perubatan dalam negara, namun ia terlalu mahal.

"Kos penggunaan teknologi robotik luar negara tersebut adalah tidak setara dengan keperluan contohnya pesakit angin ahmar dan diabetes di negara ini," katanya.

Terdapat beberapa teknologi robotik yang digunakan dalam bidang fisioterapi bagi membantu pesakit namun ia masih belum dapat menampung keperluan pengguna yang semakin mendesak terutamanya di kawasan bandar.

Terkenal sebagai sebuah pusat sehati untuk teknologi robotik negara, juga memainkan peranannya sebagai nukleus kepada bidang yang berkaitan robotik, industri serta ahli akademik untuk menghasilkan produk yang berteknologi tinggi.

Bagi membangunkan sesebuah produk, ia akan bermula daripada penajaan idea kemudian akan dikembangkan kepada POC (*Proof Of Concept*).

Apabila idea tersebut dilihat berbaloi untuk direalisasikan ia akan memasuki fasa pembuatan prototaip kemudian akan diuji.

Setelah prototaip produk tersebut boleh diterima pakai, ia akan diperhalusi lagi dan ditambah baik (*upscaling*) dan terakhir dipasarkan.

"Tidak semua idea yang dikemukakan kita akan terus hasilkan prototaip dan berakhir dengan produk untuk

dipasarkan.

"Kita juga perlu menjalankan saringan tertentu seperti mengesan hak cipta, adakah produk tersebut pernah dihasilkan dan paling penting adakah ia berpotensi untuk dikomersialkan dan memberi impak yang baik untuk negara," ujarnya.

Bagaimanapun, tidak semudah itu untuk menolak sebarang idea inovasi yang dikemukakan, katanya jika inovasi tersebut boleh dilaksanakan oleh agensi lain dibawah kerajaan ia akan diserahkan kepada mereka agar direalisasikan.

TPM juga memiliki dana yang terhad,

justeru untuk membangunkan sesebuah prototaip itu memerlukan kos yang tinggi dalam melaksanakan pelbagai kajian dan pengembangan (R&D).

R&D dalam skala yang besar juga merupakan sesuatu yang sukar untuk dilaksanakan oleh pihak-pihak tertentu seperti pihak industri dan akademik kerana ia melibatkan kos yang tinggi.


Justeru, TPM merupakan sebuah badan yang bertanggungjawab menjayakan idea inovasi tersebut (sehingga terhasilnya produk) kemudian ia diserahkan kepada pihak industri yang berminat untuk memasarkannya.



DR. MUHAMAD ZAHIRAIN

DR. Muhamad Zahirain meninjau aktiviti R&D dalam bidang robotik di TPM.

KERATAN AKHBAR UTUSAN MALAYSIA (MEGA FOKUS) : MUKA SURAT 3 TARIKH : 13 OKTOBER 2014 (ISNIN)



ANTARA kemudahan yang berkaitan dengan robotik di TPM

TPM terajui industri robotik tempatan

MENYEDARI teknologi robotik perlu terus dihebatkan bagi menjana pendapatan tinggi negara, kerajaan telah memilih Technology Park Malaysia Corporation Sdn. Bhd. (TPM) bagi menerajui perancangan strategik pertumbuhan dan pembangunan masa depan industri robotik Malaysia.

Kerajaan menerusi Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) memilih TPM berikut pusat tersebut memenuhi kriteria sebagai platform utama yang diperlukan dalam membangunkan industri tersebut. Bagi mengekalkan momentum tersebut, MOSTI turut menganjurkan bengkel yang melibatkan 50 orang peserta yang terdiri daripada golongan profesional, ahli akademik dan pakar-pakar industri.

Menurut Ketua Pegawai Eksekutif TPM, Datuk Ir. Mohd Azman Shahidin, bengkel satu hari yang diadakan di TPM tersebut bertujuan menilai keupayaan dan aplikasi teknologi robotik yang telah dibangunkan di negara ini melalui pelbagai skim, penyelidikan dan pembangunan (R&D).


"Bengkel ini juga diadakan bagi mendapatkan input mengenai rancangan masa depan dan strategi dalam memanfaatkan peluang luas yang ditawarkan oleh industri robotik."

"Ini juga bagi mengatasi cabaran dalam membentuk hala tuju pembangunan dan penggunaan teknologi dari segi perkakasan, perisian dan sumber manusia dan mewujudkan pelan kerja R&D dan sasaran untuk menyokong aplikasi robotik," katanya.

Azman menjelaskan TPM telah dipilih untuk menerajui inisiatif itu kerana pusat robotiknya memiliki kepakaran, pengalaman dan kemudahan dalam bidang kejuruteraan robotik yang boleh digunakan sebagai pusat untuk terus membantu meneroka, membangun dan melonjakkan industri robotik negara.

"Tinjauan menunjukkan pembangunan industri robotik Malaysia adalah positif, dengan mengambil kira keperluan untuk automasi oleh pengeluar tempatan."

"Tambah pula, laporan terbaru oleh International Federation of Robotics (IFR) menunjukkan bahawa permintaan global



MAKMAL robotik di TPM, Bukit Jalil.

FokusMega

bagi robot perindustrian mencapai tahap tertinggi iaitu kira-kira 168,000 unit pada tahun 2013, peningkatan sebanyak lima peratus berbanding 2012.

"Dengan pertumbuhan kukuh industri robotik global seperti yang dilaporkan oleh IFR, kami percaya ia adalah masa yang sesuai untuk Malaysia mula meneroka peluang-peluang untuk meningkatkan daya saing eksport melalui penggunaan meluas teknologi robotik dan inovasi," katanya.

IFR mengunjurkan pasaran robotik industri akan berkembang kira-kira empat peratus setiap tahun sehingga 2017 manakala saiz pasaran untuk perkakasan robot sahaja dianggarkan kira-kira RM40.61 bilion.

Pada tahun 2012, IFR melaporkan bahawa jualan robot industri bernilai RM26.35 bilion, walaubagaimanapun, apabila kos perisian dan kejuruteraan sistem, jumlahnya melompat kepada RM80.6 bilion.

Terkini, TPM telah membantu dua inkubator maya dalam industri robotik iaitu Tech Terato dan Pulsar UAV dalam mendapatkan geran TechnoFund daripada MOSTI bagi membantu dua syarikat tersebut untuk terus berdaya saing.

Skim geran tersebut menyediakan pembiayaan untuk pembangunan teknologi sehingga ke peringkat prapengkomersialan sekali gus membantu mewujudkan perniagaan baru yang dapat menjana kekayaan ekonomi negara.

Terato Tech mencipta Slurp iaitu sebuah aplikasi awangan generals baharu bagi POS (Point of Sale).


Pulsar UAV yang merupakan pencipta dan juga pembekal pesawat peninjau, pengawasan atau pesawat pelbagai peranan (multi-role drones).

Menerusi kekuatannya dalam bidang sains, teknologi dan inovasi, TPM kini merupakan sebuah agensi yang memiliki inisiatif strategik dan sumbangan untuk memperbaiki dan memperkukuhkan kerjasama antara perniagaan, industri dan institusi pendidikan yang bertujuan untuk meningkatkan kualiti hidup dan pembangunan sosio-ekonomi di Malaysia.



Pusat Robotik TPM

- Pusat yang menjalankan aktiviti kajian dan pembangunan (R&D), inovasi dan pengkomersialan.
- Ada kemudahan teknologi kejuruteraan tinggi dan peralatan.
- Di tubuhkan pada 1998 dan merupakan idea Tun Dr. Mahathir Mohamad.
- Menyediakan sebuah kilang untuk pembelajaran bersama kemudahan pengeluteraan bersama integrasi pengkomputeran.
- Mempamerkan pelbagai jenis robotik, mesin CNC, sistem kawalan, AGV dan sistem penyimpanan dan pengeluteraan automatik (ASRS).
- Memiliki kemudahan latihan berkaitan robotik, PLC, Kawalan Servo, CNC, Pneumatik dan hidraulik.
- Membangunkan teknologi tempatan untuk FMS yang mengandungi integrasi robotik dalam pengeluteraan.



AZMAN SHAHIDIN

TAMAN Teknologi Malaysia di Bukit Jalil.



KIPSAS penuhi kriteria SIRIM, UKAS

Kuantan: Kolej Islam Pahang Sultan Ahmad Shah (KIPSAS) kini memperoleh persijilan ISO 9001:2008 dan MS 1900:2005, selepas memenuhi kriteria ditetapkan Institut Standard dan Penyelidikan Malaysia (SIRIM) dan Khidmat Akreditasi United Kingdom (UKAS).

Pengiktirafan itu meletakkan KIPSAS setaraf dengan institusi pengajian tinggi (IPT) tempatan yang lain dan membanggakan kerajaan negeri.

Presiden KIPSAS, Datuk Yahya Zainal Abidin, berkata persijilan berkenaan membuktikan semua program ditawarkan kolej itu memenuhi keperluan semasa dan menepati kehendak syariah.

“Proses penilaian dilakukan wakil SIRIM sejak beberapa bulan lalu adalah tempoh paling mendebarkan kepada saya dan kakitangan lain. Ini kerana, keputusan penilaian berkenaan bakal menentukan arah tuju



Toantawee (dua dari kanan) menunjukkan **sijil ISO 9001:2008 dan MS 1900:2005** yang diterima KIPSAS disaksikan Abdul Ghani (kiri) dan Yahya (kanan).

[FOTO MUSTAFFA KAMAL / BH]

KIPSAS pada masa depan.

Pembakar semangat

“Kejayaan kami mendapat pengiktirafan ini menjadi pembakar semangat kepada semua warga kerja yang berusaha me-

mastikan KIPSAS dapat meneruskan tradisi kecemerlangan sejak ditubuhkan 28 tahun lalu,” katanya ketika berucap pada Majlis Penerimaan Sijil ISO 9001:2008 dan MS 1900:2005 di sini, semalam.

Sijil berkenaan disampaikan Pengurus Besar Kanan, Jabatan Perkhidmatan Korporat SIRIM, Abdul Ghani Abdul Rahman dan disaksikan Timbalan Setiausaha Kerajaan negeri, Datuk Toantawee Mohd Lotfie, yang mewakili Setiausaha Kerajaan negeri, Datuk Seri Muhammad Safian Ismail.

Yahya turut mengingatkan semua kakitangan KIPSAS untuk terus mengekalkan komitmen mereka kerana cabaran yang menanti selepas memperoleh sijil ini amat berat.

“Kita akan dipantau secara berterusan oleh SIRIM, setiap program ditawarkan akan diakreditasi secara berkala dan diaudit oleh juruaudit bebas.

“Selain itu, kita juga akan dipantau oleh Majlis Penasihat Syariah yang dianggotai oleh ulama tersohor negara ini. Maksudnya, kita memikul beban yang besar selepas ini,” katanya.